


Globalisasi & Kerjasama Negara Membangun

Oleh DR. MOHD. ROSLI



BANYAK peristiwa pahit dan manis yang dilalui oleh 149 negara anggota, khususnya Negara Dunia Ketiga (kini lebih gemar dirujuk sebagai negara membangun), sejak terbentuknya Organisasi Perdagangan Dunia (WTO) pada tanggal 1 Januari 1995. Sejak itu juga “globalisasi” menjadi rujukan, perbincangan dan amalan biasa dalam ekonomi pada peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama muncul banyak hasil penulisan daripada dimensi dan perspektif yang berbeza.

Pelbagai definisi globalisasi dikemukakan oleh sarjana mahupun penulis. Antaranya Hirst and Thompson (1996) dalam bukunya *Globalization in Question: the International Economy and the Possibilities of Governance* berpendapat bahawa globalisasi adalah satu proses pengintegrasian ekonomi merentasi sempadan ke arah satu sistem kapitalis pada peringkat global.

Proses ini melibatkan pergerakan bebas aktiviti pengeluaran seiring dengan perubahan pasaran produk dan faktor serta menyaksikan perpindahan modal wang dalam usaha untuk mendapat pulangan yang terbaik.

Anderson (2001) dalam artikel bertajuk *Globalization, WTO, and ASEAN* merujuk globalisasi sebagai penurunan kos dalam menjalankan perniagaan antarabangsa. Ini berlaku hasil pengintegrasian pasaran bagi barang, perkhidmatan, teknologi, idea, modal – kewangan dan bukan kewangan – serta buruh yang diperce-

Pada masa yang sama, negara anggota bersetuju dengan pembentukan WTO bagi menggantikan GATT. Persetujuan ini lebih bersifat global kerana melibatkan pelbagai sektor ekonomi

patkan oleh penurunan dalam kos pengangkutan, komunikasi dan maklumat serta halangan tarif dan bukan tarif menjelang akhir abad ke-20.

Sebenarnya proses ke arah globalisasi mengambil masa yang begitu panjang. Ia bermula sebaik sahaja Perang Dunia Kedua tamat. Atas inisiatif negara maju yang diketuai oleh Amerika Syarikat, Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) telah dibentuk pada tahun 1947 dengan dianggotai oleh 23 buah negara.

Sehingga dekad 1970-an enam pusingan rundingan perdagangan pelbagai hala telah diadakan melalui GATT.

Matlamat utamanya adalah untuk mengurangkan kadar tarif ke atas barang-barang pembuatan di kalangan negara anggota supaya urusan perdagangan antarabangsa berjalan lancar.

Matlamat lain GATT adalah untuk menjadi forum kepada sebarang perubahan dalam peraturan dan bertindak sebagai mekanisme penyelesaian perselisihan perdagangan.

Lapan pusingan rundingan perdagangan pelbagai hala telah diadakan dalam tempoh 46 tahun penubuhan GATT.

Pusingan terakhir rundingan (dikenali Pusingan Uruguay) mengambil masa selama lapan setengah tahun dan hanya disempurnakan pada September 1994.

Pada masa yang sama, negara anggota bersetuju dengan pembentukan WTO bagi menggantikan GATT. Persetujuan ini lebih bersifat global kerana melibatkan pelbagai sektor dan aspek ekonomi.

Antara perkara yang terlibat dalam pusingan ini meliputi persetujuan halangan tarif dan bukan tarif, hal ehwal teknikal, Alat Pelaburan berkaitan Perdagangan (TRIMs), Hak Harta Intelektual berkaitan Perdagangan (TRIPs), Persetujuan Am mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS), persetujuan pelbagai hala, dan mekanisme sistem GATT.

Petunjuk	1720-1820	1820-1870	1870-1913	1913-1950	1950-1973	1973-1990	1990-1999
KDNK Benar	0.8	1.9	2.5	1.8	5.4	2.7	2.0
Kuantiti Eksport	1.4	4.5	3.9	0.5	9.8	4.0	6.5
Nisbah Pertumbuhan Eksport & KDNK	1.7	2.4	1.6	0.3	1.8	1.5	3.3

Jadual 1: Pertumbuhan KDNK dan Eksport Barangan Dunia, 1720-1999 (peratus setahun). Sumber: Anderson (2001), hlm. 13.

Kesan baik globalisasi ditandakan oleh peningkatan dalam perdagangan barang dan perkhidmatan, serta pergerakan modal, matawang asing dan teknologi merentasi sempadan negara.

Pertumbuhan eksport barang-barang secara relatif kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mengalami peningkatan yang mengagumkan dalam dekad terakhir abad lalu berbanding dengan dekad sebelumnya (Lihat Jadual 1).

Pelaburan Langsung Asing (PLA) turut mengalami kadar pertumbuhan yang tinggi pada tahun 1990-an melebihi kadar pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia.

Menurut laporan Dana Kewangan Antarabangsa (2004), pertumbuhan purata PLA antara tahun 1990 dan 1997 ialah sebanyak 13 peratus; dan melonjak kepada 50 peratus bagi tempoh 1998-2000 didorong oleh aktiviti percantuman dan perolehan syarikat gergasi merentasi sempadan.

Pertumbuhan PLA di negara membangun bagi tempoh 1990-2000 ialah 23 peratus setahun.

Lima penerima terbesar ialah China, Argentina, Brazil, Hong Kong dan Mexico yang berjaya menarik lebih daripada separuh PLA ke negara membangun.

Kesan globalisasi tidak selalunya indah. Pada tahap awal Pusingan Uruguay negara membangun masih belum faham sepenuhnya implikasi yang mungkin timbul daripada globalisasi. Negara membangun begitu mudah menyetujui isu atau perkara yang dibawa oleh negara maju. Keadaan menjadi sebaliknya apabila Krisis Kewangan melanda Asia pada tahun 1997, iaitu dua tahun selepas pembentukan WTO.

Pasaran kewangan yang begitu terbuka telah dimanipulasi oleh spekulator kewangan antarabangsa. Dengan berbekalkan dana yang besar (berbilion dolar) mereka berjaya meruntuhkan pasaran kewangan dan saham di Asia dalam sekelip mata.

Pada mulanya pasaran kewangan Thai diserang sehingga menyebabkan kejatuhan yang parah dalam nilai matawang Baht. Ia begitu cepat merebak ke negara jiran, termasuk Malaysia. Nilai Ringgit jatuh merudum dan begitu juga pasaran saham.

Tidak cukup dengan itu, ia turut menjejaskan sektor benar

ekonomi. Pergantungan Malaysia kepada bahan mentah, barang perantaraan dan modal serta bahan makanan jelas tidak menguntungkan ekonomi negara.

Ini terbukti dengan peningkatan perbelanjaan import secara mendadak. Pada masa yang sama nilai eksport tidak meningkat kerana matawang negara Asia lain turut merosot. Akibatnya, ekonomi Malaysia yang merekodkan kadar pertumbuhan lapan peratus setahun secara berturut-turut sejak penghujung 1980-an, tiba-tiba menjadi negatif pada tahun 1998.

Beberapa negara terpaksa mengambil “bantuan” Dana

Kewangan Antarabangsa (IMF) dengan syarat yang begitu ketat dan menyusahkan negara penerima.


Di bawah Pakej Penyesuaian Struktur (SAP), negara penerima diberi syarat supaya melakukan sekumpulan perubahan yang bersifat pro pasaran. Antaranya negara penerima dikehendaki meningkatkan eksport, menerima ke-masukan pelabur asing, mengamalkan perdagangan bebas, mengurangkan aktiviti kerajaan, melonggarkan syarat pemilihan dan regulasi,

memotong subsidi kepada sektor luar bandar dan menurunkan nilai matawang tempatan supaya eksport ke negara maju lebih murah berbanding import.

SEMUA syarat ini dikenakan untuk memastikan negara berhutang dapat membayar hutang dan meningkatkan peranan pasaran dalam ekonomi.

Negara penerima “bantuan” IMF bukan sahaja menanggung beban hutang tetapi juga melepaskan sebahagian kepentingan nasional mereka. Terdapat negara seperti Indonesia terpaksa menanggung kekacauan politik. Sebaliknya, Malaysia terselamat kerana enggan menerima “bantuan” IMF.

Sejak peristiwa itu, negara membangun mula sedar tentang bahaya globalisasi yang tidak dikawal. Mereka mula merasakan bahawa globalisasi yang disokong kuat oleh tiga agensi antarabangsa – Organisasi Perdagangan Dunia (WTO), Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) – terlalu berpengaruh dalam menentukan polisi dan arah tuju ekonomi



dunia dan negara. Ketiga-tiga organisasi ini dilihat mengatasi kuasa Bangsa-bangsa Bersatu sendiri.

Kebelakangan ini NDK-3 secara kolektif berjaya mengekang dominasi negara maju di dalam rundingan pelbagai hala di arena antarabangsa.

Isu baru seperti peraturan pelaburan, polisi persaingan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan yang cuba dibawa oleh negara maju di pertemuan Seattle, Amerika Syarikat pada tahun 1999 ditentang oleh negara membangun kerana isu ini tidak ada kena mengena dengan perdagangan. Isu lain yang cuba dibawa ialah isu buruh dan piawai sosial dan alam sekitar yang boleh dijadikan senjata perlindungan di negara maju.


Pada mesyuarat WTO di Cancun, Mexico pada tahun 2003, negara maju sekali lagi cuba membawa isu sensitif yang pernah dibawa pada Mesyuarat di Seattle.

Dengan lain perkataan, negara maju terus berusaha untuk memastikan negara membangun tunduk dan patuh kepada kehendak mereka dalam membuka pasaran seluas-luasnya. Namun begitu, negara membangun enggan beralah kepada negara maju. Paling mengejutkan apabila negara membangun pula mengasak negara maju seperti Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat supaya membuka pasaran dengan mengurangkan subsidi pertanian dan eksport (*Utusan Malaysia*, 11 April 2004).

Negara maju enggan berbuat demikian kerana subsidi adalah isu sensitif dan berkait rapat dengan politik di negara mereka. Akibatnya, Mesyuarat WTO di Seattle dan Cancun gagal mencapai penyelesaian.

Kesepakatan negara membangun dilihat lebih teguh pada Mesyuarat WTO di Hong Kong pada bulan Disember 2005. Sebuah perikatan 110 buah negara membangun telah dibentuk secara spontan untuk menetapkan satu senarai sasaran perjanjian perdagangan (*Utusan Malaysia online*, 19 Disember 2005) yang tidak merugikan mereka. Pakatan ini terpaksa dibentuk kerana terdapat usaha berterusan daripada negara maju untuk memaksa negara membangun membuka pasaran mereka.

Sebuah manifesto yang dikeluarkan oleh perikatan tersebut mendesak supaya negara maju, khususnya Kesatuan Eropah (EU), menetapkan tahun 2010 sebagai sasaran dalam



menghapuskan subsidi eksport perladangan mereka. Selain itu, negara membangun turut menekan supaya satu pakej bantuan dihulurkan segera kepada mereka untuk menggalakkan aktiviti perdagangan.

WALAU PUN tidak sepenuhnya, pakatan negara membangun mula membuahkan hasil. EU terpaksa tunduk kepada desakan negara membangun dengan menawarkan penghapusan subsidi eksport pertanian menjelang tahun 2013. Amerika Syarikat turut bersetuju untuk menghapuskan subsidi eksport kapas pada tahun 2006 (*Utusan Malaysia online*, 21 Disember 2005). Ini tentunya memberi kelegaan kepada pengeksport kapas terbesar di dunia, iaitu Brazil.

Bukan setakat itu sahaja, negara maju juga bersetuju untuk tidak mengenakan cukai dan kuota import ke atas sekurang-kurangnya 97 peratus barangan yang dieksport oleh negara yang termiskin seperti Zambia, Kemboja dan Bangladesh (*NST*, 19 Disember 2005) ke negara mereka. Persetujuan ini dapat membantu negara yang termiskin untuk memasuki pasaran eksport di negara maju dan tentunya dapat meningkatkan pendapatan negara mereka.

Demi mengekang kuasa negara maju dan menjamin keuntungan maksimum daripada globalisasi, negara membangun perlu terus bersepakat dalam apa-apa jua persidangan WTO pada masa depan.

Kini, negara membangun telah mempunyai ruang dan peluang yang lebih baik untuk berbincang melalui Kerjasama Selatan-Selatan dan Sidang Asia Timur (EAS).

Jika semangat yang sama ditunjukkan pada Sidang WTO di Hong Kong dapat terus direalisasikan dalam Mesyuarat WTO pada masa depan adalah tidak mustahil bahawa negara membangun akan turut mendapat manfaat yang sewajarnya daripada proses globalisasi.

...negara maju
juga bersetuju
untuk tidak mengenakan
cukai dan kuota
import ke atas sekurang-
kurangnya 97 peratus
barangan yang dieksport
negara yang
termiskin